

Pandangan semua pihak perlu sebelum keputusan muktamad

# PM: Bincang isu komisen

UM 13 JUN 2000  
Daripada AZIZ ISHAK

**T**OKYO 12 Jun — Kerajaan akan mendengar pandangan semua pihak sebelum membuat sebarang pertimbangan berhubung isu arahan Bank Negara Malaysia (BNM) meminta institusi kewangan menghentikan pembayaran komisen satu peratus kepada pengedar kereta berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebarang keputusan menarik balik arahan itu bergantung sama ada kerajaan mempunyai hujah dan alasan yang baik untuk berbuat demikian.

Sebenarnya, kata Dr. Mahathir beliau tidak begitu memahami dengan jelas isu tersebut kerana berada di sini sejak seminggu lalu dan akan mendapatkan gambaran menyeluruh apabila pulang ke tanah air esok.

"Tetapi jika ada yang desak maka kita akan membuat pertimbangan sewajarnya setelah mendapat pandangan semua pihak," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan *Utusan* hari ini bahawa industri kereta nasional mungkin terjejas jika kerajaan tidak membatalkan arahan BNM itu.

## ● MTUC: Jangan tunduk rayuan pengedar — Muka 3

Arahan satu perenggan yang ditandatangani oleh Gebenor BNM, Zeti Akhtar Aziz bertarikh 25 Mei lalu berbunyi "Bank Negara Malaysia ingin memaklumkan bahawa berkuat kuasa 1 Jun 2000, syarikat-syarikat kewangan dikehendaki memberhentikan amalan membayar komisen kepada mana-mana pihak bagi pinjaman sewa beli kenderaan bermotor."

Berikutan arahan itu, wakil-wakil pengedar kereta nasional mendakwa tempahan kereta nasional pelbagai model menjunam sehingga 70 peratus mulai awal bulan ini setelah jurujual enggan mengambil tempahan kerana mereka tidak lagi mendapat komisen tersebut.

Malah beberapa persatuan pengedar kereta nasional - EON, USPD dan Perodua seluruh negara merayu kerajaan supaya segera campur tangan dan menyelamatkan

■ Lihat muka 4

## PM: Bincang isu komisen

UM 13 JUN 2000

industri kereta nasional daripada terjejas teruk.

Sementara itu, mengenai kemelut antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim dan badan kehakiman berhubung kenyataannya terhadap percutian kontroversi Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Eusoff Chin, Perdana Menteri berkata, beliau perlu mendapatkan senario sebenar terlebih dahulu.

"Nantilah (komen) bila saya pulang," katanya yang berada di sini dalam rangka lawatan kerja selama seminggu berakhir esok. Kontroversi mengenai Eusoff timbul ekoran tersebarinya gambar beliau dalam Internet ketika sedang bercuti bersama-sama peguam Datuk V.K Lingam di New Zealand pada tahun 1994. Lingam merupakan peguam yang mengendalikan kes ahli perniagaan terkenal Tan Sri Vincent Tan.

Kes itu didengar oleh Eusoff pada peringkat rayuan dan masih tertangguh sehingga hari ini.

Isu itu mendapat perhatian besar apabila Rais mengulas mengenainya semasa wawancara dengan Australia's Radio National pada 28 Mei lalu, yang kemudian dipetik oleh media tempatan.

Kedua-dua pihak kemudian saling berbalas kenyataan sementara semalam, Majlis Peguam mengesyorkan penubuhan tribunal bagi menyiasat dakwaan berhubung kontroversi percutian Eusoff.

— *Utusan*.